

# Wawancara

## Bersama Tuan Presiden



**1. Terlebih dahulu Biro Penerangan dan Komunikasi PPUMS ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada tuan kerana sudi meluangkan masa untuk ditemubual. Boleh tuan ceritakan serba sedikit latar belakang tuan sebelum memegang jawatan sebagai Presiden PPUMS?**

Saya mula melibatkan diri dalam gabungan pegawai-pegawai perkhidmatan UMS ini semasa Datuk Abdullah Haji Mohd Said menjawat jawatan sebagai Timbalan Pendaftar. Beliau adalah pemimpin yang mencadangkan agar ada suatu badan untuk menggabungkan pegawai-pegawai UMS dan mengajak saya dan beberapa rakan yang lain untuk turut sama menubuhkan persatuan ini. Pada ketika itu saya membantu beliau, Dr. Ismail Ali dan En. Darwis Awang untuk menggumpul pegawai dan menerangkan keperluan kepada suatu persatuan pegawai dan merangka Perlembagaan Persatuan. Prof Madya Dr. Ismail Ali yang ketika itu berkhidmat sebagai Penolong Pendaftar bersama En. Darwis adalah individu yang banyak menyumbang bagi memastikan persatuan ini tertubuh dan saya merupakan penyokong dan pendokong kuat usaha murni ini dan telah dipilih sebagai Jawatankuasa Penaja Penubuhan PPUMS. Semenjak melibatkan diri saya terus mengekalkan diri saya untuk terus bersama persatuan sehinggalah hari ini.

**2. Apakah pengalaman dan cabaran yang telah tuan hadapi sepanjang menerajui pucuk pimpinan PPUMS?**

Pengalaman sudah pasti pelbagai dan cabaran juga sudah pasti banyak kan... Cabaran utama dalam melaksanakan tugas dalam persatuan sukarela ini adalah untuk mengekalkan komitmen. Memandangkan kita juga mempunyai tugas dan tanggungjawab hakiki sebagai pegawai universiti, maka pembahagian masa adalah suatu perkara yang amat penting dalam melaksanakan tugas dalam persatuan. Saya juga berhadapan dengan cabaran untuk mengekalkan komitmen Ahli Jawatan Eksekutif yang telah dipilih oleh ahli dalam mesyuarat agung. Apa yang penting sebagai pengalaman dan pengajaran bagi diri saya dan boleh dikongsi dengan rakan-rakan yang lain adalah keberkesanan atau kejayaan sesuatu persatuan atau organisasi itu adalah bergantung penuh kepada kerjasama dan kesatuan barisan kepimpinannya dan bukan sahaja pada individu semata-mata.

**3. Pesanan tuan selaku Pegawai Senior merangkap Presiden PPUMS terhadap pegawai-pegawai baru di UMS?**

Semua kakitangan yang menerima tawaran untuk berkhidmat di UMS mestilah bertekad atau berniat untuk menabur khidmat bakti dan bekerja dengan penuh tanggungjawab dan beramanah. Pegawai-pegawai muda

hendaklah bersedia untuk terus belajar bagi menambah pengetahuan dan kemahiran sebagai seorang Pegawai Universiti. Hubungan dengan pegawai-pegawai senior dan kakitangan dalam skim perkhidmatan yang lain mestilah dijalin dalam usaha bekerja sebagai suatu pasukan yang utuh. Melalui perhubungan ini juga pengalaman orang lain dapat dikongsi dalam menyampaikan perkhidmatan kepada seluruh warga universiti dan pihak luar yang terlibat. Amalan hormat menghormati antara sesama insan mestilah terus diamalkan. Seperkara yang tidak kurang pentingnya bagi pegawai-pegawai muda ini adalah keberanian untuk memberi pandangan. Tempoh perkhidmatan atau gred jawatan bukan halangan untuk kita takut memberi pandangan dalam mesyuarat, diskusi, bengkel atau dalam pekerjaan harian. Penyampaian pandangan dengan penuh bijaksana bersandarkan fakta yang tepat akan menghidupkan budaya kerja cemerlang dan sekaligus menderaskan kematangan pegawai-pegawai muda.

**4. Pada pandangan tuan, apakah peranan dan tanggungjawab pegawai senior di UMS?**

Saya sering mengingatkan diri saya dan ingin berkongsi dengan rakan-rakan yang lain bahawa sebagai pegawai senior atau orang lama di UMS, kita mestilah bersedia untuk menjadi contoh teladan yang baik kepada kakitangan yang lain khususnya rakan-rakan pegawai yang lebih muda. Pegawai Senior berperanan selaku mentor kepada pegawai muda. Dalam masa yang sama kita juga hendaklah berlapang dada dan bersedia menerima pandangan orang lain termasuk pegawai yang lebih muda dari kita. Saidina Ali pernah berpesan "Nilailah **Apa** yang diperkatakan seseorang dan bukan **Siapa** yang mengucapkannya". Sikap keterbukaan fikiran dan sentiasa berusaha menambah ilmu dan mencipta perubahan kearah kebaikan adalah amalan yang perlu dipertahankan agar ianya dapat dijadikan panduan kepada pegawai-pegawai muda dan manfaat berterusan kepada kecemerlangan universiti.

Suka juga saya berpesan kepada rakan-rakan senior yang lain bahawa kita juga bertanggungjawab bukan sahaja kepada universiti malah kepada masyarakat luar. Hubungan dengan pegawai-pegawai kerajaan lain dan agensi swasta serta masyarakat setempat perlulah dijalin agar kita dapat melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan lebih berkesan. Usaha kita terus hidup dalam kelompok kita yang kecil sahaja yang akhirnya menumpulkan akal dan melemahkan hati dan menjadikan kita kurang manfaat kepada persekitaran dan masyarakat.

**5. Harapan tuan terhadap persatuan ini?**

Saya amat berharap agar seluruh ahli persatuan akan terus istiqamah dalam menggerakkan persatuan yang matlamat akhirnya membina kekuatan diri setiap ahli dan memberi manfaat kepada universiti. Penyertaan ahli dalam aktiviti juga amat diharapkan untuk terus meningkat agar kewujudan persatuan akan dapat dirasai sendiri oleh setiap ahli. Kepada pegawai-pegawai lain yang belum menyertai PPUMS kami amat berbesar hati menerima rakan-rakan sebagai ahli baru. Kesatuan pegawai dalam menggabungkan diri dalam persatuan akan memperkukuhkan lagi hubungan sesama kita yang mana akhirnya akan mempermudah kita bersama menyumbang kepada UMS dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan kita kepada seluruh warga university dan semua yang terlibat. Semua PPUMS akan terus relevan bergerak selaras dengan matlamat ianya ditubuhkan dan terus menyumbang kebaikan kepada ahli dan Universiti.